

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Wad bersalin tak cukup katil

# KKM cuba percepat proses discaj

**Kementerian rancang sedia katil tambahan di hospital berdekatan**

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin dan Syaherah Mustafa  
 bhnews@bh.com.my

**Tanjong Karang:** Kesesakan di hospital kerajaan, terutama di wad bersalin hanya bermusim susulan trend peningkatan kelahiran bayi bermula September hingga November, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, trend kelahiran pada tiga bulan itu tinggi pada setiap tahun dan kemuncak peningkatan pada Oktober ini.

"Perkara ini adalah fakta yang diperoleh setiap tahun dan bukan sengaja direka. Ia bermusim dan tidak dapat dielak kerana jumlah kelahiran bayi yang tinggi sepanjang tempoh tiga bulan itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis penyerahan Hospital Tanjung Karang yang baharu, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar.

Media sebelum ini melaporkan wanita yang bersalin di beberapa hospital kerajaan terpaksa ditempatkan di kerusi sepanjang tempoh menunggu kelahiran bayi dengan ada yang terpaksa menunggu berhari-hari untuk mendapatkan katil.

Selain itu, mereka antaranya terpaksa merujuk ke beberapa hospital sebelum diterima masuk ke wad kerana alasan jumlah pesakit dalam satu masa terlalu ramai hingga kekurangan katil.

Sementara itu, Khairy berkata, peningkatan kes tekanan darah tinggi dan kolesterol serta penyakit tidak berjangkit lain yang memerlukan rawatan di wad menjurus kepada peningkatan penggunaan katil di hospital.

Faktor lain seperti rawatan bayi baru lahir yang tinggal lama dalam wad dan pesakit tidak dapat discaj awal di wad.

"Mereka berdepan kekangan seperti kemungkinan ahli keluarga yang bekerja dan belum bersedia untuk datang mengambil pesakit berkenaan," katanya.

#### Ambil beberapa tindakan

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi jangka panjang Kementerian Kesihatan (KKM) akan melakukan tindakan seperti mempercepatan proses discaj untuk kes berisiko rendah dan mengurangkan masa menunggu di wad.

"Kita turut merancang meny-



Khairy bersama Noh (dua dari kiri) melawat fasiliti di Hospital Tanjung Karang selepas majlis penyerahan, semalam.

(Foto BERNAMA)

diakan katil tambahan di hospital berdekatan, selain membuat penilaian ke atas wanita bersalin berisiko rendah boleh dihantarkan ke pusat bersalin risiko rendah supaya tidak sesak di hospital.

"Kita juga akan menambah kesihatan bagi membantu proses kelahiran, terutama bagi kes berisiko rendah," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil serius kekurangan katil membabitkan wad bersalin di beberapa hospital kerajaan dan ber-

cadang membawa isu itu ke masyuarat Kabinet.

Timbalan Menterinya, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff, berkata walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) lebih arif tentang isu itu, pihaknya turut sama membantu yang sewajarnya supaya ia dapat diselesaikan dengan baik.

"Saya yakin kementerian terbitit sudah ambil tindakan segera menyelesaikan isu ini, selain berharap masyarakat dapat memahami kekangan dihadapi pihak hospital.

"Kita faham keresahan ibu ba-

kal bersalin yang perlu tempat selesa untuk proses melahirkan.

"Insya Allah KPWKM akan membantu sebaik mungkin termasuk bekerjasama dengan KKM," katanya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Jelajah Go Digital-MPUK di Bazar Siti Faizah, di Rantau Panjang, semalam.

Dalam pada itu, Siti Zailah mengalau-alukan pertubuhan bukan kerajaan, badan korporat untuk membantu memberi kemudahan kepada hospital yang tidak cukup katil di wad bersalin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

## Kemasukan pesakit ke wad merosot

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan secara keseluruhan, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi antara 18 hingga 24 September lalu menunjukkan penurunan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penurunan 7.1 peratus dikesan bagi pesakit kategori 1 dan 2 manakala pesakit kategori 3, 4 dan 5, menurun sebanyak 11.5 peratus.

Beliau berkata, peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 38/2022 berbanding ME 37/2022 juga menunjukkan penurunan iaitu masing-masing 1 peratus bagi katil bukan kritisik dan katil Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta sebanyak 2 peratus bagi penggunaan

katil Unit Rawatan Rapi (ICU).

Katanya, turut menunjukkan penurunan kadar penggunaan adalah peratusan pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) yang menurun sebanyak 0.2 peratus.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, kes-kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara menunjukkan peningkatan bilangan kes baharu yang menjalani pemantauan di rumah.

"Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sebanyak 0.5 peratus; bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah meningkat

sebanyak 102 peratus; dan bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke hospital adalah sama dengan ME 37," katanya semalam.

Pun begitu, Dr Noor Hisham berkata, trend kes aktif harian Covid-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), menunjukkan penurunan 0.47 peratus pada akhir ME 38/2022 berbanding pada akhir ME 37/2022 iaitu daripada 30,965 kes kepada 30,810 kes.

Beliau berkata, KKM juga mendapat bilangan kes sembuh pada ME 38/2022 menurun sebanyak 5.8 peratus iaitu 14,513 kes kepada 13,677 kes dan bilangan kes baharu pada ME 38/2022 menurun sebanyak 4.9 peratus

(13,627 kes kepada 12,963 kes).

Turut menunjukkan penurunan adalah bilangan kes tempatan sebanyak 4.8 peratus (13,585 kes kepada 12,934 kes); dan bilangan kes import iaitu penurunan sebanyak 31.0 peratus (42 kes kepada 29 kes).

"Bilangan kes kematian pada ME 38/2022 pula meningkat sebanyak 29.0 peratus (31 kes kepada 40 kes).

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 38/2022 adalah 25,325 iaitu terdapat penurunan sebanyak 4.0 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Bermula 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 24 September lalu, Malaysia mencatatkan sebanyak 4,830,214 jumlah kumulatif kes baharu dengan 4,768,604 kes sembuh serta 36,348 kes kematian.

Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital antara 18 hingga 24 September menurun

## 2 klinik terbakar di Sabak Bernam dinaik taraf

**Tanjong Karang:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperuntukkan RM1.6 juta dan RM481,000 bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Parit Baru serta Klinik Desa Kampung Batu 4 Sepintas di Sabak Bernam yang terbakar, baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya meluluskan peruntukan dan perolehan darurat bagi kedua-dua fasiliti kesihatan terbabit.

"Kita berduka cita dengan bencana kebakaran di ke-

dua-dua klinik ini. Selain keupayaan yang perlu dilalui kakitangan, kita juga menginsafi kesusahan masyarakat di kedua-dua kawasan berkenaan kerana operasi bagi fasiliti itu terpaksa dihentikan sementara waktu.

"Sukacitanya, saya ingin maklumkan KKM meluluskan peruntukan dan perolehan darurat bagi kedua-dua fasiliti dengan kos RM1.6 juta untuk Klinik Kesihatan Parit Baru dan RM481,000 bagi Klinik Desa Batu 4 Sepintas," katanya pada Majlis Penyerahan Hospital Tan-

jong Karang yang baharu disini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tan Sri Noh Omar merangkap Ahli Parlimen Tanjong Karang; Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Mohamad Zulkifly Sulaiman.

Pada masa sama, Khairy berkata, peruntukan itu termasuk kerja-kerja naik taraf bangunan serta penggantian peralatan perubatan dan bukan perubatan yang ter-

jejas akibat kebakaran.

"Insya-Allah apabila siap kelak, penduduk setempat akan kembali lebih dekat dan mudah mendapatkan khidmat kesihatan serta menikmati fasiliti yang lebih baik. Selain itu, ia juga mampu mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan yang menjadi lokasi peminahan sementara sekarang," katanya.

Media pada 12 September lalu melaporkan Klinik Kesihatan Parit Baru di Jalan Masjid Kampung Parit Baru musnah dalam kebakaran.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NEGARA**



**KHAIRY JAMALUDDIN** (tengah) semasa majlis penyerahan projek Hospital Tanjong Karang di Kuala Selangor semalam.

Kadar kelahiran tinggi antara September-November

## Wad bersalin sesak hanya bermusim – KJ

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**KUALA SELANGOR** — Kese-sakuan wad bersalin di hospital kerajaan hanya bermusim akibat trend peningkatan kelahiran bayi pada September hingga November setiap tahun.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya mengakui itu berlaku di hampir semua hospital di seluruh negara ketika ini.

Kata beliau, statistik Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan kemunculan peningkatan kelahiran direkodkan pada Oktober sehingga turut menyebabkan masalah kekurangan katil.

"Perkara ini merupakan fakta yang diperoleh setiap tahun dan bukannya sengaja direka."

"Ia bermusim dan tidak dapat dilakukan kerana jumlah kelahiran bayi yang tinggi sepanjang tempoh tiga bulan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas majlis pe-

nyerahan projek Hospital Tanjong Karang baharu di sini, yang turut dihadiri Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar.

Terdahulu, media melaporkan wanita yang bersalin di beberapa hospital kerajaan terpaksa ditempatkan di kerusi sepanjang tempoh menunggu kelahiran bayi dengan ada yang terpaksa menunggu berhari-hari untuk mendapatkan katil.

Selain itu, mereka antaranya terpaksa merujuk ke beberapa hospital sebelum diterima masuk ke wad kerana alasan jumlah pesakit dalam satu masa terlalu ramai dan kekurangan katil.

Jelas Khairy Jamaluddin, kesesakan wad itu turut berpunca faktor peningkatan jumlah pesakit yang perlu dipantau akibat komorbiditi dan berisiko tinggi.

"Ia turut melibatkan faktor rawatan bayi baru lahir yang tinggal di wad dalam tempoh agak lama.

"Selain itu, ada pesakit tidak dapat discaj (dibenarkan keluar) awal kerana berdepan kekangan seperti ahli keluarga bekerja dan belum bersedia datang mengambilnya," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM sedang berusaha memperkuatkan pergurusan katil di wad bersalin dan mempercepatkan proses discaj bagi kes berisiko rendah.

"Kita turut mahu mengurangkan masa menunggu di wad dan merancang menyediakan katil tambahan di hospital berdekatan.

"Selain itu, penilaian ke atas wanita bersalin yang berisiko rendah akan dilakukan bagi membolehkan mereka diantar ke pusat bersalin sekali gus mengurangkan kesesakan hospital," katanya.

Tambahnya, pihak KKM turut akan menambah jumlah kakitangan kesihatan yang melakukan proses kelahiran terutama bagi kes berisiko rendah.

## 300,000 penduduk dapat manfaat Hospital Tanjung Karang

**KUALA SELANGOR** — Hospital Tanjung Karang baharu yang juga berperanan sebagai hospital pakar minor akan beroperasi sepenuhnya pada 10 Oktober depan yang dapat memberi manfaat kepada 300,000 penduduk.

Hospital yang mula dibina pada 2018 itu akan menggantikan bangunan lama yang berusia lebih 56 tahun.

Menteri Kesihatan, Khairy

Jamaluddin Abu Bakar berkata, sebanyak 10 bidang kepakaran diperkenalkan di hospital itu secara berfasa antaranya pembaha-dan, kecemasan, ginekologi, pediatrik, ortopedik, radiologi dan patologi.

"Hospital Tanjung Karang baharu turut menawarkan khidmat pakar secara lawatan bagi otorinolaringologi, oftalmologi,

psikiatrik dan forensik.

"Sebanyak 3,000 kes rujukan melibatkan kos penghantaran pesakit dari Hospital Tanjung Karang ke hospital pakar lain dijangka dapat dijamin," kata-nya ketika berucap menyaksikan penyerahan projek hospital itu di sini semalam.

Majlis penyerahan itu disem-purnakan antara Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk

Seri Mohamad Zulkefly Sulaiman dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

Menurut Khairy Jamaluddin, Kementerian Kesihatan mempreruntukkan lebih RM2 juta bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Parit Baru dan Klinik Desa Kam-pung Batu 4 Sepintas, Sabak Bernam yang musnah dalam kebaikan baru-baru ini.



Hospital Tanjung Karang baharu turut menawarkan khidmat pakar secara lawatan bagi otorinolaringologi, oftalmologi, psikiatrik dan forensik."

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 17**  
**RUANGAN : NEGARA**

## Kes demam melonjak 93.2% di P. Pinang

**GEORGE TOWN** — Kes demam dengan tahun ini di Pulau Pinang meningkat sebanyak 93.2 peratus iaitu 595 kes sehingga 24 September lalu berbanding tempoh sama pada tahun 2021 yang mencatatkan hanya 308 kes.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Ma'arof Sudin berkata, bagaimanapun tiada kematian membabitkan kes dengan dicatatkan pada tahun ini.

Jumlah kes pada tahun ini juga adalah lebih rendah berbanding jumlah kes sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan sebanyak 26.2 peratus pada 2020 (806 kes) dan penurunan sebanyak 83.4 peratus (3,574 kes) pada 2019.

"Wabak dengani yang dilaporkan sehingga 24 September 2022 adalah sebanyak 42 wabak berbanding tujuh pada tempoh yang sama pada 2021.

"Daripada 42 wabak dengani yang dilaporkan, 33 wabak telah tamat, manakala sembilan masih aktif," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, aktiviti kawalan dan pencegahan telah di-

jalankan untuk semua kes dan wabak dengani yang dilaporkan bagi memutuskan rantai jangkitan.

"Contohnya, aktiviti kawalan vektor yang melibatkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak," ujarnya.

Katanya lagi, sehingga 24 September 2022, sejumlah 312,711 premis telah diperiksa dan 445 kompaun dengan nilai RM222,500 telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan Aedes.

"Pengkompaunan dibuat di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 (Akta 154).

"Bagi memastikan penyakit demam dengani tidak terus merebak dan mengancam kesihatan penduduk di negeri Pulau Pinang, seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama memikul tanggungjawab mencegah tempat pembiakan nyamuk ini," ujarnya.



**SEMBURAN kabus nyamuk Aedes antara kaedah yang digunakan untuk mengurangkan kes demam dengani di Pulau Pinang.**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Kelahiran tinggi punca wad sesak

Trend kelahiran tinggi dicatatkan pada September hingga November setiap tahun

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR  
TANJONG KARANG

**K**adar kelahiran tinggi pada September hingga November menjadi punca kepada kesesakan katil hospital di wad bersalin di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, trend kelahiran dicatatkan pada tiga bulan itu tinggi setiap tahun.

"Kemuncak peningkatan kelahiran pada bulan Oktober dan trend peningkatan ini berlaku secara bermusim serta bersifat sementara," katanya pada sidang akbar selepas Majlis Penyerahan Hospital Tanjung Karang pada Isnin.

Justeru, Khairy menjelaskan, antara langkah jangka masa panjang bagi menangani perkara itu, kementeriannya sedang berusaha memperkuatkukan

pengurusan katil di wad bersalin. Kata beliau, antara tindakan yang boleh dilakukan seperti mempercepatkan proses discaj untuk kes berisiko rendah serta mengurangkan masa menunggu di wad.

"Selain itu, kita turut merancang menyediakan katil tambahan di hospital berdekatan selain membuat penilaian ke atas wanita bersalin berisiko rendah boleh dihanjur ke pusat bersalin lain supaya tidak sesak di hospital.

"Kita juga akan menambah kakitangan kesihatan yang melakukan proses kelahiran terutama bagi kes berisiko rendah," ujarnya.

Media sebelum ini melaporkan, katil di wad bersalin hospital kerajaan sesak dan ada dalam kalangan wanita ditempatkan di kerusi sepanjang tempoh menunggu kelahiran bayi.

Malah ada antara mereka terpaksa menunggu berhari-hari untuk mendapatkan katil, selain berdepan pelbagai kesulitan antaranya terpaksa merujuk ke beberapa hospital sebelum diterima masuk ke wad kerana alasan sama iaitu jumlah pesakit dalam satu masa terlalu ramai dan kekurangan katil.

Dalam pada itu, Hospital Tanjung Karang yang mula dibina empat tahun lalu dijangka ber-



**Khairy Jamaluddin (tiga dari kiri) bersama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri) meninjau fasiliti hospital selepas Majlis Penyerahan Hospital Tanjung Karang pada Isnin.**

operasi sepenuhnya pada 10 Oktober depan.

"Hospital baharu yang menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan ini akan menggantikan hospital lama yang berusia lebih 56 tahun."

"Jarak Hospital Tanjung Karang lama dengan Hospital Tanjung Karang baharu ini sejauh enam kilometer (km)," katanya.

Khairy berkata, Hospital Tanjung Karang akan dinaiaka taraf daripada hospital tanpa pakar kepada hospital pakar minor

yang kedua di Selangor.

Jelas beliau, sebanyak 10 bidang kepakaran diperkenalkan di hospital itu secara berfasa antaranya pembedahan, kecemasan, ginekologi, pediatrik, ortopedik, radiologi dan patologi.

"Hospital Tanjung Karang baharu turut menawarkan khidmat pakar secara lawatan bagi otorinolaringologi, oftalmologi, psikiatrik dan forensik," ujarnya.

Beliau memberitahu,

sebanyak 3,000 kes rujukan melibatkan kos penghantaran pesakit dari Hospital Tanjung Karang ke hospital pakar lain dapat dijmimatkan selain memberi manfaat kepada lebih 300,000 penduduk di sekitar daerah ini.

Dalam pada itu, Khairy memberitahu, sebanyak lebih RM2 juta diperuntukkan bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Parit Baru dan Klinik Desa Kampung Batu 4 Sepintas, Sabak Bernam yang musnah dalam kebakaran.

## Anugerah RCSEd penghargaan kepada KKM, negara - Dr Noor Hisham

**KUALA LUMPUR** - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyifatkan penganugerahan Pingat Antarabangsa Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh 2021 (RCSEd) yang diterima baru-baru ini, amat bermakna dan satu penghargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan negara.

Beliau dalam catatan di Facebook pada Isnin turut merafat sembah menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah atas limpah perkenan Seri Paduka berdua menzahirkan ucapan tahniah kepada beliau susulan penganugerahan itu.

"Sesungguhnya pengiktirafan daripada kolej perbedahan tertua dan terbesar di dunia ini adalah amat bermakna dan merupakan penghargaan kepada KKM dan negara. Syukur alhamdulillah," katanya.

Dr Noor Hisham menerima anugerah itu daripada Presiden RCSEd, Profesor Michael Griffin pada majlis santapan malam bagi memuliakan keberangkatan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, feto terhormat RCSEd yang juga Canselor Diraja Universiti Kebangsaan Malaysia.

Turut berangkat pada majlis itu, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud. - Bernama

**AKHBAR : SINAR HARIAN****MUKA SURAT : 27****RUANGAN : NEGERI**

## Pulau Pinang catat 595 kes demam denggi

**GEORGETOWN** - Sebanyak 595 kes demam denggi dilaporkan sehingga 24 September lalu dengan peningkatan sebanyak 93.2 peratus berbanding tempuh yang sama pada tahun lalu di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, jumlah kes pada tahun ini lebih rendah berbanding jumlah kes sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan sebanyak 26.2 peratus pada tahun 2020 (806 kes) dan penurunan sebanyak 83.4 peratus (3,574 kes) pada tahun 2019.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr Ma'arof Sudim berkata, kejadian wabak denggi yang dilaporkan sehingga 24 September lalu adalah sebanyak 42 wabak, berbanding dengan tujuh wabak dalam tempoh yang sama pada tahun 2021.

Menurutnya, daripada 42 wabak denggi yang dilaporkan, 33 wabak telah tamat manakala sembilan lagi wabak masih aktif.

"Aktiviti kawalan dan pencegahan telah dijalankan untuk semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantaian jangkitan.

"Sebagai contoh, aktiviti kawalan vektor yang melibatkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan, dan pendidikan kesihatan dijalankan untuk setiap kejadian kes tunggal atau wabak," katanya menerusi kenyataan di sini pada Isnin.

Di samping itu, Dr Ma'arof berkata, aktiviti pencegahan juga dipertingkat-

kan di lokaliti keutamaan dan berisiko di seluruh Pulau Pinang.

Jelasnya, sehingga 24 September, sejumlah 312,711 premis telah diperiksa dan 445 kompaun dengan nilai RM222,500 telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang dijumpai terdapat pembiakan aedes.

Beliau berkata, kompaun dibuat di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 [Akta 154].

"Bagi memastikan penyakit demam denggi tidak terus merebak dan mengancam kesihatan penduduk di negeri Pulau Pinang, seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama memikul tanggungjawab dengan melaksanakan tindakan termasuk membersihkan kawasan persekitaran serta mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di kediaman dan premis masing-masing setiap minggu.

"Orang ramai digalakkan menggunakan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah, elakkan gigitan nyamuk dengan menggunakan repelan dan memakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah terutama apabila berada di luar rumah," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai agar segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan sekiranya mengalami tanda-tanda seperti demam, sakit sendi, sakit kepala, ruam dan sebagainya, khususnya bagi penduduk yang tinggal di kawasan berisiko wabak denggi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

## 300,000 terima manfaat Hospital Tanjong Karang

**KUALA SELANGOR:** Hospital Tanjong Karang yang baru siap dibina di sini bakal memberi manfaat kepada 300,000 penduduk sekitar apabila ia dibuka 10 Oktober ini.

Hospital yang mula dibina pada 2018 itu akan menggantikan bangunan lama hospital berkenaan yang berusia lebih 56 tahun.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, sebanyak 10 bidang kepakaran diperkenalkan di hospital itu secara berasa antaranya pembelahan, kecemasan, ginekologi, pediatrik, ortopedik, radiologi dan patologi.

"Hospital Tanjong Karang baharu turut menawarkan khidmat pakar secara lawatan bagi otorinolaringologi, oftalmologi, psikiatrik dan forensik.

"Menerusi kepakaran hospital ini, sebanyak 3,000 kes rujukan melibatkan kos penghantaran pesakit dari Hospital Tanjong Karang ke hospital pakar lain dapat dijimatkan,"

katanya ketika berucap menyaksikan penyerahan projek hospital itu, semalam.

Majlis penyerahan itu disempurnakan antara Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Seri Mohamad Zulkefly Sulaiman dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) memperuntukkan lebih RM2 juta bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Parit Baru dan Klinik Desa Kampung Batu 4 Sepintas, Sabak Bernam yang musnah dalam kebakaran, baru-baru ini.

"Peruntukan itu termasuk kerja menaik taraf bangunan dan penggantian peralatan perubatan yang terjejas akibat kebakaran," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kes demam denggi meningkat 93.2 peratus

**GEORGE TOWN:** Kes demam denggi di Pulau Pinang meningkat 93.2 peratus iaitu 595 kes sehingga 24 September lalu berbanding tempoh sama 2021 iaitu hanya 308 kes.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Ma'arof Sudin berkata, bagaimanapun tiada kematan membabitkan kes denggi dicatatkan tahun ini.

Jelasnya, jumlah kes pada tahun ini bagaimanapun lebih rendah berbanding jumlah kes sebelum pandemik Covid-19 iaitu penurunan sebanyak 26.2 peratus pada 2020 (806 kes) dan penurunan sebanyak 83.4 peratus (3,574 kes), 2019.

"Kejadian wabak denggi yang dilaporkan sehingga 24 September lalu adalah sebanyak 42 wabak, berbanding tujuh wabak pada tempoh sama tahun lalu.

"Daripada wabak denggi yang dilaporkan itu, 33 wabak tamat manakala sembilan wabak masih aktif," katanya di sini semalam.

Tambahnya, kawalan dan pencegahan dijalankan untuk

semua kes dan wabak denggi yang dilaporkan bagi memutuskan rantai jangkitan.

"Sebagai contoh, aktiviti kawalan vektor yang melibatkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan dijalankan untuk setiap kejadian kes," katanya.

Tambah beliau, sehingga 24 September lalu, sejumlah 312,711 premis diperiksa dan 445 kompaun dengan nilai RM222,500 dikeluarkan kepada pemilik premis kerana terdapat pembiakan nyamuk Aedes.

Katanya, tindakan kompaun dibuat di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 (Akta 154).

"Bagi memastikan penyakit demam denggi tidak terus merebak dan mengancam kesihatan penduduk di negeri Pulau Pinang, seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama memikul tanggungjawab mencegah tempat pembiakan nyamuk ini," katanya.

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NATION**

# Almost 5% dip in new cases

## Hospital admission rate all categories also down, says Health DG

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases recorded in Malaysia in Epidemiological Week 38 (ME 38/2022) from Sept 18-24 dropped 4.9% to 12,963 cases from 13,627 in ME 37/2022 from Sept 11-17.

"The number of daily active cases for ME 38/2022 was 25,325, a 4% from the previous week," Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said.

He said local cases in ME 38/2022 dropped 4.8% to 12,934 cases from 13,583 in ME 37/2022. Imported Covid-19 cases in ME 38/2022 also dropped 31% to 29 cases from 42 in ME 37/2022, adding that recoveries in ME 38/2022 dropped 5.8% to 13,677 cases from 14,513 in ME 37/2022.

"The number of deaths in ME 38/2022 increased by 29% (from 31 cases to 40)," Dr Noor Hisham said.

He said the admission rate of Covid-19 patients to public hospitals per 100,000 population for all categories was lower in ME 38/2022 compared to ME 37/2022.

"The number of Categories One and Two patients dropped 7.1% while Categories Three, Four and Five fell 11.5%," he added.

However, Dr Noor Hisham said Covid-19 positive cases monitored by Covid-19 Assessment Centres

(CAC) throughout the country showed an increase in new cases undergoing home surveillance.

Based on a comparison of physical CAC data reported in ME 37/2022 and ME 38/2022, the number of patient visits to CAC dropped by 0.5%.

"The number of new Covid-19 cases undergoing home surveillance increased 102%, and the number of Covid-19 cases referred by CAC to hospitals was the same as in

ME 37/2022," he added.

Dr Noor Hisham said from Jan 25, 2020, to Sept 24, this year, cumulative new Covid-19 cases in the country totalled 4,830,214.

During the same period, cumulative cases for recoveries from Covid-19 totalled 4,768,604, cumulative fatal cases numbered 36,348, and the cumulative number of clusters was 7,079, with 14 still active. — Bernama

**AKHBAR : THE SUN**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

## New Tg Karang hospital to open on Oct 10

**TANJUNG KARANG:** The new Tanjung Karang Hospital, which is a minor specialist hospital with 150 beds, will be fully operational on Oct 10.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the second minor specialist hospital in Selangor would benefit more than 350,000 residents as it replaces the old building, which is more than 56 years old.

Khairy added the hospital would have 10 specialty services in phases, namely general surgery, emergency services, general medicine, obstetrics and gynaecology, paediatric, orthopaedics, anaesthesiology, radiology, pathology as well as oral and maxillofacial surgery.

"In addition, the hospital offers visiting specialist services in otolaryngology, ophthalmology, psychiatry and forensic medicine.

"With the availability of specialists at the hospital, as many as 3,000 referral cases could be handled here," he said.

The hospital would also be equipped with two operating theaters, an ICU ward with four beds, as well as a CT scan machine.

On the overcrowding issue in maternity wards at government hospitals, Khairy said this was seasonal as an increase in births only occurred from September to November each year. - Bernama

## Dengue cases in Penang increase by 93%

**GEORGE TOWN:** Penang has recorded 595 dengue cases between January and Sept 24 this year, an increase of 93.2% compared with the corresponding period last year.

State health director Datuk Ma'arof Sudin said no death due to dengue was recorded in the state so far.

Statistically, the number of dengue cases recorded so far this year is lower than during and before the pandemic, namely 806 cases in 2020 and 3,574 cases in 2019, he said in a statement yesterday.

He added that 42 dengue outbreaks were reported as of Sept 24 compared with only seven outbreaks last year. Of the 42 outbreaks, 33 had ended and nine were still active.

During the same period, 312,711 premises in the state had been inspected and 445 compounds amounting to RM222,500 were issued to owners of premises found to be breeding Aedes mosquitoes.

He said all levels of society should shoulder the responsibility of preventing mosquito breeding grounds to ensure that dengue fever would not spread. - Bernama

## New Covid-19 cases drop almost 5% week-on-week

**KUALA LUMPUR:** The number of new Covid-19 cases recorded in the country in Epidemiological Week 38 (EW 38/2022) from Sept 18 to 24 dropped 4.9% to 12,963 from 13,627 in EW37/2022 (from Sept 11 to 17).

"The number of daily active cases for EW38/2022 was 25,325, a 4% drop from the previous week," Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement yesterday.

He added that local cases in EW38/2022 dropped 4.8% to 12,934 from 13,585 in EW37/2022.

Imported cases in EW38/2022 also dropped 31% to 29 from 42 in EW37/2022.

Recoveries in EW38/2022 dropped 5.8% to 13,677 from 14,513 in EW37/2022.

"The number of deaths in EW38/2022 increased by 29% (from 31 cases to 40)," Noor Hisham said.

He added that the admission rate of Covid-19 patients to public hospitals per 100,000 population for all categories was lower in EW38/2022 compared with EW37/2022.

"The number of categories one and two patients dropped 7.1% while categories three, four and five fell 11.5%."

Noor Hisham said positive cases monitored by Covid-19 Assessment

Centres (CAC) throughout the country showed an increase in new cases undergoing home surveillance.

Based on a comparison of physical CAC data reported in EW37/2022 and EW38/2022, the number of patient visits to CAC dropped 0.5%.

"The number of new cases undergoing home surveillance increased 102% and the number of cases referred by CAC to hospitals

was the same as in EW37/2022," he added.

Noor Hisham said from Jan 25, 2020 to Sept 24 this year, cumulative new Covid-19 cases in the country totalled 4,830,214. During the same period, cumulative cases for recoveries totalled 4,768,604, cumulative fatal cases were 36,348, and cumulative number of clusters was 7,079, with 14 clusters being still active. - Bernama